

**PENERAPAN EMPATI DALAM PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN
MATA PELAJARAN SEJARAH**

Hanita Ladjaharun, Mohd. Mahzan Awang, Asmahani Muhthar
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Empati adalah elemen yang akan melibatkan murid untuk memahami peristiwa sejarah dengan meletakkan diri dalam ruang masa yang sebenar atau membuat imaginasi berkaitan peristiwa sejarah. Melalui kajian terdahulu, didapati empati sejarah untuk subjek sejarah adalah rendah dan dapat disimpulkan bahawa pemahaman dan imaginasi pengetahuan kandungan sejarah memainkan peranan utama dalam tahap pencapaian empati sejarah yang tinggi. Oleh itu, kertas konsep ini akan membincangkan maksud dan kepentingan empati dalam pembelajaran sejarah. Turut diketengahkan cabaran dan langkah mengukuhkan elemen empati di bilik darjah. Berikutnya, turut dicadangkan aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan yang membolehkan murid memahami dan imaginasi seterusnya empati sejarah. Perbincangan ini penting bagi mendorong guru sejarah meneliti semula amalan di bilik darjah dan membuat penambahbaikan berdasarkan cadangan-cadangan diberikan. Cadangan ini juga penting bagi pihak Bahagian Pendidikan Guru (BPG) untuk meneliti cadangan pembelajaran dan pemudahcaraan yang boleh dijadikan modul latihan guru atau pembangunan kopetensi guru. BPG wajar mengkaji semula peruntukan masa sejarah yang diperuntukan 64 jam setahun memandangkan topik sejarah yang luas, wajib melaksanakan Kajian Kes dan wajib lulus peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Tuntasnya, empati sejarah perlu disokong dengan amalan pedagogi berkesan oleh guru.

Kata kunci: *Empati, pembelajaran dan pemudahcaraan, Sejarah*

PENGENALAN

Shakilah (2020) dalam kajian beliau menyatakan empati sejarah untuk subjek sejarah adalah rendah. Menurut beliau lagi, pemahaman dan imaginasi pengetahuan kandungan sejarah memainkan peranan utama dalam tahap pencapaian empati sejarah murid yang tinggi. Pedagogi yang sesuai sangat diperlukan dalam menangani masalah rendah, terutama untuk soalan yang melibatkan pemikiran analitis dan penilaian. Sebabnya adalah bahawa pedagogi yang ada yang digunakan oleh guru hanya dapat meningkatkan penguasaan yang melibatkan tahap empati sejarah. Penekanan pada imaginasi dan analitis, dan kemahiran berfikir penilaian perlu diberi perhatian oleh guru untuk memastikan bahawa pelajar dapat mengembangkan kemahiran secara menyeluruh. Selaras dengan perkembangan terkini yang menekankan pendekatan pemerolehan pengetahuan dan bukan lagi pemindahan pengetahuan, peranan guru sebagai pemudah cara sangat penting dalam membantu murid untuk berempati. Siti Hawa Abdullah (2007). Oleh itu, guru sejarah perlu meningkatkan amalan di bilik darjah dengan mengaplikasikan pelbagai pendekatan berpusatkan murid serta mengambilkira kepelbagaian murid. Pengetahuan dan kemahiran mengaplikasikan elemen Pembelajaran PAK-21, Elemen Merentas Kurikulum (EMK), KBAT dan KPS akan melibatkan murid dalam sesi pembelajaran yang aktif.

Pembelajaran Dan Pemudahcaraan

Pembelajaran dan pemudahcaraan Sejarah tanpa unsur kreatif akan menyebabkan sejarah itu diajar mendatar sahaja yang akhirnya membawa kepada rasa bosan dan kurang minat dalam kalangan murid. Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, & Nur Syazwani Abdul Talib (2016). Sehubungan itu, dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) Standard 4, peranan guru dalam menjayakan pembelajaran dan pemudahcaraan meliputi lima aspek. Antaranya ialah guru sebagai perancang, guru sebagai pendorong minda dan emosi, guru sebagai pengawal suasana dan proses, guru sebagai penilai, guru sebagai pembimbing dan

murid sebagai pembelajar aktif. Lima aspek berfokus kepada guru untuk memastikan pembelajaran dan pemudahcaraan yang akan melibatkan murid sebagai pembelajar aktif. Oleh itu, guru memainkan peranan penting dalam memastikan pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah agar mampu menarik minat murid dan mengikuti sesi pembelajaran aktif seterusnya menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai. Perkara ini turut ditegaskan dalam kajian Lezah @ Lejah Kiamsin & RosyTalin (2018) menegaskan antara sifat-sifat guru yang berkesan ialah mempunyai kemahiran mengajar, termasuk menghubungkan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam pengajarannya. Ariegusrini Bte Agus Mohamad Johdi Salleh (2009) Seseorang guru itu perlu mempunyai segala kemahiran khususnya dalam memahami isi pelajaran dan segala konsep yang hendak disampaikan kepada para pelajar. Tuntasnya, peranan guru menjadi faktor penting dalam memastikan pembelajaran dan pemudahcaraan dilaksanakan secara berkesan.

Empati Dalam Pembelajaran Dan Pemudahcaraan Sejarah

Konsep empati

Empati telah tercetus daripada idealisme di Jerman sekitar abad ke-19 (Knight, 1989). Empati dalam bahasa Jerman ialah *einfiuhlug* yang membawa pengertian mendalami atau *feeling into* yang diambil daripada perkataan Yunani *empathia*. *Em* bermakna *in* iaitu dalam manakala *pathos* bermakna perasaan ataupun *feeling*. Menurut Knight lagi, ahli falsafah dan pengkaji sejarah yang pertama yang memberi fokus tentang empati dalam disiplin sejarah ialah Wilhelm Ditley. Beliau dikatakan telah mengenal pasti empati sebagai unsur asas bagaimana untuk memahami sejarah. (Khairunnajwa Samsuddin, 2017). Siti Hawa Abdullah (2007) empati sejarah dilihat sebagai kesungguhan individu untuk meningkatkan pemikirannya supaya secocok dengan individu atau kumpulan masyarakat masa lampau agar dapat menghayati dan memahami tindakan serta pemikiran individu atau peristiwa yang dikaji dari pelbagai sudut pandangan. Shakila & Abdul Razaq Ahmad (2020) mereka merumuskan empati dengan perasaan yang sama dengan pemahaman dan pembenaran tokoh sejarah yang mempunyai ciri empati iaitu kemampuan mengetahui peristiwa dan tindakan tokoh sejarah, kemampuan untuk menghargai konteks sejarah, kemampuan untuk merasionalisasikan tindakan tokoh sejarah dan kemampuan menganggap sebagai tokoh sejarah. Rona Busljeta Kardum, Katarina Dadic & Martina Horva (2021) menyatakan empati sebagai menerima dan memahami perasaan, pendapat, dan kedudukan sosial yang lain. Tuntasnya, empati merupakan keupayaan seseorang untuk memahami dan menghayati tentang suatu peristiwa sejarah mengikut konteks zaman berlakunya peristiwa tersebut dan berupaya menghubungkan dengan keadaan sekarang.

Kepentingan empati

Dalam kajian Khairunnajwa Samsuddin (2017) empati dirujuk sebagai konsep penting dalam disiplin sejarah dan sangat bermanfaat sekiranya digalakkan dalam kalangan murid. Empati juga dirujuk sebagai imaginasi sejarah melibatkan dua jenis aktiviti imaginatif. Menurut mereka, murid perlu berupaya berfikir secara gambaran (*to think pictorially*), iaitu menggambarkan perincian autentik realiti sejarah dan juga perlu berupaya meletakkan diri mereka secara empati (*to place themselves empathetically*) dalam sesuatu situasi sejarah. Seperti yang mereka rumuskan, ini memerlukan murid "*to imagine by feeling as well as by seeing, since the human events they study in history have an emotional as well as a pictorial context*". Khairunnajwa Samsuddin (2017) turut merujuk beberapa penulisan yang menjelaskan empati sejarah dapat membantu mengelakkan anakronisme (Tholfsen, 1967), presentism (Gardner, 2000; Voss, 1998; Wineburg, 2001) dan sindrom 'Flintstone' (Knight, 1989) yang merupakan falasi pensejarahan. Ketiga-tiga gejala tersebut merujuk kepada perbuatan mentafsir dan mempertimbangkan sesuatu tindakan atau kejadian masa lampau mengikut konteks nilai dan piawai masa kini. Menurut Knight (1989), sindrom 'Flintstone' dalam kalangan murid sekolah berlaku apabila mereka melihat konteks kehidupan masyarakat zaman batu melalui sudut pandangan masa kini. Oleh itu adalah penting bagi guru untuk menyediakan aktiviti yang membolehkan murid mempelajari sejarah dengan empati berdasarkan nilai dan piawai masa yang sepatutnya. Sebagai contoh, sekiranya murid mempelajari tentang nilai ketaatan tokoh Hang Tuah tanpa empati dengan nilai dan piawai masa lalu akan menyebabkan murid sukar

menerima tindakan Hang Tuah. Begitu juga dengan pemahaman terhadap kekuasaan dan peranan raja semasa Zaman Kesultanan Melayu Melaka perlu difahami mengikut konteks zaman tersebut kerana kekuasaan dan peranan raja pada zaman tersebut dan kini begitu berbeza tetapi mempunyai kesinambungan.

Seterusnya, empati sejarah juga merupakan suatu alat untuk memahami sejarah. Langkah tersebut bertujuan membantu mereka membina makna dan pengertian sejarah. (Khairunnajwa Samsuddin, 2017). Sejarah amat penting untuk manusia memahami masa lalu, masa kini dan masa depan. Pemahaman terhadap sejarah akan memberikan panduan terhadap tindak tanduk manusia. Perkara ini dipersetujui oleh Anin Lailatul Qodariyah dan Martin Rizaldi (2020) dengan memiliki pengetahuan mengenai sejarah dapat membantu seseorang dalam memecahkan suatu permasalahan di masa kini atau masa yang akan datang. Sebagai contoh, memahami sejarah menjadi landasan untuk memilih pemimpin yang bertanggungjawab, amanah dan berpandangan jauh serta mengutamakan permuafakatan dalam membina negara bangsa demi kesejahteraan rakyat. Sejarah juga telah membuktikan tindakan pemimpin boleh membawa sesebuah negara ke arah kehancuran dan kebinasaan. Sikap pemimpin yang tamak, mementingkan hawa nafsu, nepotisme, mengabaikan rakyat serta kejam akan menyebabkan rakyat bangkit menentang. Oleh itu, kefahaman tentang sejarah akan mendorong manusia merancang dalam setiap tindakan.

Seterusnya, Melalui pengetahuan yang mendalam tentang konteks dan tokoh sejarah, murid dapat berempati dengan cara memahami sosiobudaya, pemikiran dan tindakan seseorang individu serta masyarakat. Pemahaman dan persefahaman yang diperoleh melalui pengetahuan berupaya membantu murid mengatasi sebarang konflik atau tanggapan negatif terhadap sesuatu tindakan individu dan masyarakat. Seterusnya, persefahaman akan membawa kepada perpaduan dan kesejahteraan yang merupakan satu daripada kepentingan atau matlamat mata pelajaran Sejarah. (Khairunnajwa Samsuddin, 2017). Sebagai contoh melalui tajuk ancaman komunis dan pengistiharan darurat murid akan dapat mempelajari perbezaan ideologi manusia yang membawa kepada konflik yang berpanjangan seterusnya memberikan kesan yang menyeluruh terhadap kehidupan rakyat. Empati terhadap topik tersebut murid akan merasakan kesukaran yang dihadapi oleh masyarakat ketika itu akan berusaha mengelakkan anasir luar yang akan memberikan kesan negatif terhadap diri, bangsa dan negara. Peristiwa tersebut juga memberikan iktibar betapa pemimpin British bijak dalam mengatur pelbagai strategi bagi mengatasi ancaman keselamatan terhadap rakyat ketika itu. Penempatan semula penduduk di Kampung Baru, penggunaan pengenalan diri dan menggunakan kemahiran orang asli bagi mengatasi ancaman komunis menunjukkan bukti kebijaksanaan dalam menyelesaikan masalah. Kebijaksanaan ini wajar dicontohi lebih-lebih lagi ketika ini negara menghadapi pelbagai cabaran seperti pandemik COVID-19 yang memberikan kesan besar terhadap sosioekonomi. Oleh itu, empati akan menjadikan manusia prihatin dan menyelesaikan setiap permasalahan dengan sebaik-baiknya. Tuntasnya, empati membolehkan manusia membuat gambaran dan berupaya meletakkan diri dalam situasi sejarah yang membolehkan mereka mempertimbangkan sesuatu tindakan atau kejadian masa lampau mengikut konteks yang sesuai dengan zamannya. Dengan ini, manusia dapat memahami sejarah dan menjadikan panduan dalam tindakan serta menyelesaikan masalah kehidupan manusia.

Cabaran Aplikasi Empati Dalam Pembelajaran Dan Pemudahcaraan

i. Pendekatan berpusatkan guru

Khairunnajwa Samsuddin (2017) Pengajaran sejarah sering dikaitkan dengan aktiviti berpusatkan guru yang memberikan penerangan berkaitan isi pelajaran dan murid lebih banyak duduk serta mendengar. Seterusnya, teknik hafalan tidak dapat melibatkan murid dengan aktiviti menghujahkan pandangan atau buah fikiran berdasarkan bukti dan fakta bagi menyokong hujahan yang dilakukan sekali gus membantu mereka merasai empati sejarah yang sebenar. M. Kaviza (2019) dalam kajiannya turut menyokong dengan menyatakan kaedah pembelajaran dan pemudahcaraan yang diamalkan oleh guru-guru yang memfokuskan kepada penghafalan adalah tidak berupaya untuk meningkatkan dan mengekalkan kefahaman konseptual sejarah yang lebih baik dalam kalangan murid. Ekoran

itu, murid juga akan merasakan kesukaran dalam mempelajari sejarah kerana perlu menghafal banyak fakta atau maklumat. Situasi sedemikian akan mempengaruhi minat dan empati murid terhadap peristiwa sejarah. Oleh itu, proses pengajaran dan pembelajaran berpusatkan murid perlu dilaksanakan bagi menggalakkan empati sejarah.

ii. Kurang pengetahuan ilmu sejarah

Cabaran berikutnya ialah guru sejarah kurang mempunyai kemahiran tentang ilmu sejarah itu sendiri (Khairunnajwa Samsuddin, 2017). Kebanyakan kajian lepas mendapati guru-guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah tidak menguasai Sukatan Pelajaran dan Kurikulum Sejarah. Pengetahuan yang terbatas mengenai mata pelajaran yang diajar akan menyebabkan penyampaian guru tersebut lemah sekaligus menyukarkan pemahaman pelajar. Hakikatnya, kelemahan dan kepincangan yang sering berlaku dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan antaranya berpunca daripada tahap penguasaan yang lemah dalam kalangan guru. Guru perlu mempunyai kreadibiliti dari segi pemikiran sejarah agar setiap hujahannya kepada murid dapat disampaikan dengan baik. Hal ini kerana, pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah yang betul mampu menzahirkan rasa empati sejarah dalam diri murid. (Abdul Razak Ahmad & Mohd. Mahzan Awang, 2017). Tuntasnya, tanpa ilmu sejarah yang mendalam, teknik penyampaian yang berkesan dan penguasaan isi pelajaran menyebabkan empati sejarah sukar berlaku di bilik darjah.

iii. Kurang penggunaan ABM/BBM

Empati kurang diterapkan kerana kurang penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) dan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang membolehkan murid belajar berpusatkan bahan dan aktiviti untuk memahami sejarah. Nur Syazwani Abdul Talib, Kamarulzaman Abdul Ghani, & Nur Azuki Yusuff (2019) dalam kajian mereka ada menyatakan bahawa guru juga lebih banyak menggunakan buku teks semasa sesi pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah. Buku teks sepatutnya dijadikan sebagai panduan tetapi bukan sebagai bahan utama dalam menjayakan pembelajaran dan pemudahcaraan. Tambahan pula dalam kajian Lau Yi Yi, Abdul Razaq Ahmad, Mohd Mahzan Awang & Norasmah Othman (2020) menyatakan kandungan buku teks Sejarah Malaysia sebenarnya tidak mencukupi untuk menjawab soalan esei dengan baik, mengandungi fakta yang mengelirukan dan boleh dipertikaikan. Mereka juga mendapati penerangan dalam buku teks sejarah tidak membantu murid untuk mendapat gambaran yang menyeluruh dan menggalakkan murid untuk berfikir. Keadaan ini akan menyebabkan buku teks gagal untuk meningkatkan pemahaman murid. Oleh itu, Tanpa penggunaan pelbagai ABM atau BBM serta aktiviti yang berasaskan inkuiri murid tidak dapat melalui proses pembelajaran yang bermakna yang membolehkan empati terhadap sejarah.

iv. Peruntukan masa terhad

Cabaran berikutnya ialah peruntukan masa pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah yang terhad sedangkan kandungan mata pelajaran sejarah yang luas meliputi antara 8 hingga 10 bab. Tambahan pula dengan ciri-ciri buku sejarah KSSM yang memberikan banyak idea pelaksanaan pelbagai aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan yang memerlukan guru dan murid membuat persiapan. Dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 6 tahun 2019 berhubung dengan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah dan Pelaksanaan Pakej Mata Pelajaran Mulai tahun 2017 memperuntukan masa minimum jam setahun bagi mata pelajaran sejarah ialah hanya 64 jam setahun. Oleh itu pembelajaran dan pemudahcaraan mata pelajaran sejarah akan dibuat dalam 2 atau 3 masa atau 1 jam 30 minit seminggu. Jumlah jam ini agak rendah berbanding mata pelajaran yang lain seperti Bahasa Melayu 128 jam. Bagi Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains iaitu 112 jam dan Pendidikan Islam 96 jam. (Surat Pekeliling, 2020). Masa pembelajaran yang agak terhad, sukatan pelajaran yang luas dan Sejarah wajib lulus di peringkat SPM menyebabkan guru memberi fokus menyampaikan isi pelajaran melalui syarahan dan melaksanakan latihan tubi sebagai persiapan menduduki peperiksaan. Perkara ini dipersetujui oleh Nurshazwani

(2019) dalam kajian beliau menyatakan pelajar mengatakan bahawa mata pelajaran Sejarah terlalu padat dengan fakta-fakta sejarah. Matlamat penguasaan isi pelajaran atau pentaksiran kognitif lebih diutamakan kerana tujuan peperiksaan berbanding pentaksiran formatif semasa pembelajaran dan pemudahcaraan. Tambahan pula dengan mata pelajaran sejarah adalah wajib lulus diperingkat SPM. Guru akan membuat rancangan menyelesaikan sukatan pelajaran lebih awal bagi memastikan ada ruang murid-murid membuat latihan tubi sebagai persiapan menduduki peperiksaan. Oleh itu, kekangan masa menyebabkan guru tidak berpeluang untuk merancang pelbagai aktiviti pembelajaran berpusatkan murid dan bahan seterusnya menjadi kekangan empati sejarah.

Cadangan Mengatasi Cabaran

i. Pendekatan Berpusatkan Murid

Pembelajaran dan pemudahcaraan berpusatkan murid yang berasaskan PAK-21 akan mampu melibatkan murid sebagai pembelajar aktif. Interaksi antara murid dengan murid, murid dan bahan dan murid dengan guru akan memberikan peluang kepada murid melalui proses pembelajaran yang santai dan seronok semasa menguasai isi pelajaran. Interaksi pelbagai hala juga memberi ruang kepada murid menjana dan mengetengahkan idea dengan mengaplikasikan elemen KBAT, KPS dan EMK. Oleh itu, guru perlu kreatif dan inovatif dalam menghasilkan pelbagai pendekatan, ABM atau BBM yang digunakan semasa proses pembelajaran dan pemudahcaraan agar melibatkan keseluruhan murid secara aktif. Sehubungan itu, guru juga perlu meningkatkan kemahiran mengajar dengan berani mencuba pelbagai pendekatan berpusatkan murid. Mantan Menteri Pendidikan, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, semasa Majlis Perhimpunan Khas Guru Malaysia pada 3 November 2010 dalam ucapan beliau ada menyatakan bahawa guru perlu meneliti semula amalan bilik darjah yang sesuai dengan ciri serta situasi murid sekarang. Amalan kreativiti dan inovasi amat dituntut untuk melahirkan generasi murid berfikiran kelas pertama dalam abad ke-21 ini untuk bersaing dalam abad penuh cabaran ini. Guru perlu meningkatkan keupayaan kreativiti dan inovasi khususnya menghasilkan pendekatan, ABM dan BBM. Shakila (2020) menegaskan perkara ini dalam kajian beliau dengan bahawa pedagogi yang sesuai sangat diperlukan dalam menangani masalah rendah, terutama untuk soalan yang melibatkan pemikiran analitis dan penilaian. Sebabnya adalah bahawa pedagogi yang ada yang digunakan oleh guru hanya dapat meningkatkan penguasaan yang melibatkan tahap empati sejarah. Sehubungan itu, setiap tahun Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengadakan Sambutan Hari Guru pada 16 Mei dan memberikan penghargaan kepada guru-guru inovatif yang menghasilkan pelbagai ABM, BBM atau pendekatan pembelajaran dan pemudahcaraan. Penganugerahan terdiri dari tiga kategori utama iaitu prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah. Setiap kategori pula hanya terdiri dari 3 pemenang iaitu johan, naib johan dan ketiga. Namun penganugerahan hanya melibatkan jumlah guru yang terlalu sedikit. Oleh itu, dicadangkan agar pihak KPM dapat memperluaskan anugerah mengikut mata pelajaran agar dapat memberikan penganugerahan kepada lebih ramai guru. Peluang yang luas ini akan memberikan dorongan lebih ramai guru untuk mencuba menghasilkan inovasi yang meningkatkan amalan di bilik darjah khususnya penglibatan berpusatkan murid yang membolehkan empati sejarah.

ii. Meningkatkan pengetahuan guru

Pengetahuan guru sejarah perlu ditingkatkan agar memahami matlamat dan kandungan kurikulum, menguasai kemahiran pedagogi, berpengetahuan sejarah dan pemahaman terhadap SKPMg2. DSKP merupakan bahan asas yang perlu dirungkai dan rangkai agar dapat memahami disiplin sejarah. Setiap guru perlu mengetahui dan memahami kerangka KSSM dibina yang berasaskan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Guru sejarah perlu mengetahui dan memahami fokus utama KSSM Sejarah adalah untuk melahirkan murid

yang arif dan peka sejarah serta mampu menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang berdaya saing pada masa hadapan. Kurikulum ini memberi penekanan kepada kesepaduan aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai agar dapat memberi pemahaman kepada murid dalam membina jati diri serta semangat cinta akan negara. Penguasaan kandungan juga sangat penting yang bukan hanya berasaskan maklumat dibuku teks. Guru sejarah perlu mempunyai pembacaan yang meluas agar dapat membuat perkaitan atau memberikan gambaran holistik agar murid empati terhadap peristiwa sejarah. Ini kerana kemampuan untuk menguasai pengetahuan kandungan imaginasi dengan baik dalam pengajaran sejarah akan meningkatkan kemahiran empati pelajar dalam pendidikan sejarah. Selain itu, latihan pedagogi untuk guru sejarah harus dilakukan dari semasa ke semasa untuk membantu mereka mendapat maklumat yang baik mengenai keperluan semasa dalam pendidikan sejarah (Shakila & Abdul Razaq Ahmad 2020). Perkongsian profesional seperti *Teacher Sharing*, *Video Critic* dan *Lesson Study* akan melibatkan guru secara kolaboratif untuk menambahbaik amalan dibilik darjah. Perkongsian ini akan menjadikan para guru menjadi lebih sedar akan amalan mereka di bilik darjah, mencari jalan penyelesaian atau menjalankan usaha menghasilkan intervensi yang bersesuaian dengan keperluan murid. Seterusnya, pembudayaan perkongsian amalan terbaik seperti kajian tindakan juga perlu diperluaskan. Setiap tahun diadakan perkongsian kajian tindakan anjuran Yayasan Guru Tun Hussein Onn (YGTHO) dengan kerjasama KPM. Namun, penyertaan juga terhad hanya seorang pembentang dari setiap negeri. Program sebegini perlu diadakan mengikut fasa dan melibatkan semua kategori mata pelajaran. Sesi percambahan idea akan bertambah rancak dan guru akan mendapat lebih banyak idea dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran sejarah yang lebih berkesan khususnya penerapan elemen empati.

iii. Penggunaan pelbagai ABM/ BBM atau kaedah

Penggunaan bahan pembelajaran dalam mata pelajaran sejarah merupakan suatu yang disarankan dan merupakan suatu pilihan yang tepat selaras dengan matlamat kurikulum sejarah untuk membentuk warganegara Malaysia yang arif dan peka dengan ilmu sejarah. Penggunaan bahan-bahan pembelajaran yang bersifat interpretatif dan interaktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat mencabar murid untuk berfikir secara kritis dan kreatif serta dapat menjana idea-idea baharu. (M. Kaviza, 2020) Sehubungan itu, guru perlu menyediakan ABM atau BBM yang sesuai dengan tajuk dan keupayaan murid agar dapat melibatkan murid berinteraksi dengan bahan dan rakan. Proses interaksi tersebut akan menggalakkan murid menjana dan mengetengahkan idea yang membawa kepada empati terhadap sejarah. Alizah Lambri dan Zamri Mahamood (2019) penggunaan pelbagai alat dan bantu mengajar (ABM/ BBM) juga amat diperlukan bagi memastikan sesuatu pengajaran tersebut tidak membosankan. Sehubungan itu, buku teks sejarah di Malaysia juga perlu penambahbaikan agar murid empati sejarah. Rona et. al (2021) menekan buku teks perlu memuatkan sudut pandang pelbagai peristiwa sejarah, yang merupakan premis untuk perkembangan sejarah empati dan pemahaman sejarah yang lebih mendalam. Dalam proses memupuk empati melalui pengajaran sejarah, arahan bilik darjah harus berdasarkan pada mewujudkan hubungan afektif (memahami bagaimana pengalaman hidup orang bersejarah membentuk emosi mereka dan demikian tindakan mereka). Soalan dan tugas yang terdapat dalam sejarah buku teks harus dirancang sedemikian rupa sehingga dapat mengembangkan empati sejarah, dan yang mana kemudian boleh menimbulkan empati yang ditunjukkan oleh pelajar dalam kehidupan seharian dan interaksi harian mereka dengan yang lain. Selain itu, penggunaan ABM atau BBM yang sesuai menyebabkan guru tidak perlu membuat huraian yang banyak, sebaliknya dapat membantu pemahaman pelajar. Guru juga perlu kreatif dalam menggunakan ABM atau BBM sedia ada dengan membuat penguabhsuaian mengikut keperluan murid. Oleh itu, dengan sedikit penelitian dan pengubahsuaian ABM atau BBM sedia ada boleh menepati keperluan murid seterusnya memberi peluang murid memahami isi pelajaran dan empati terhadap sejarah.

iv. Menambah masa pengajaran sejarah


Memandangkan masa pembelajaran sejarah hanya 64 jam sahaja setahun dengan wajib melaksanakan kajian kes, sejarah wajib lulus di peringkat SPM wajar dipertimbangkan peruntukan masa tambahan. Peruntukan masa yang lebih wajar supaya pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah tidak berpusatkan buku teks yang melibatkan banyak hafalan. Guru perlu melibatkan murid dengan pelbagai aktiviti bagi melibatkan murid dengan pembelajaran aktif agar dapat menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai yang merupakan fokus kurikulum sejarah. Ariegusrini Bte Agus Mohamad Johdi Bin Salleh (2009) Pembelajaran aktif di kalangan para pelajar merujuk kepada pembelajaran yang menggalakkan secara aktif lebih daripada hanya menerima sesuatu daripada gurunya atau daripada buku teks, atau menghafaz sesuatu dari buku teks dan kemudian mengeluarkannya semula dalam bentuk lisan atau bertulis. Pembelajaran aktif adalah suatu situasi di mana memerlukan para pelajar agar melakukan pelbagai aktiviti, melibatkan diri dalam projek atau eksperimen. Bagi menjayakan pembelajaran aktif guru didedahkan dengan pelbagai pendekatan PAK-21 seperti *Gallery Walk*, simulasi, pembentangan, lakonan, permainan dan sebagainya. Namun begitu dengan hanya 3 masa seinggu sahaja guru mengahadai kekangan untuk merancang, menyediakan bahan dan menghabiskan sukatan pelajaran. Sehubungan itu, disebabkan sejarah wajib lulus diperingkat SPM guru terikat untuk menghabiskan sukatan lebih awal bagi mendapatkan ruang membuat ulangkaji mengahadapi peperiksaan bersama murid. Oleh itu, peruntukan waktu pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah dikaji semula oleh pihak KPM.

Cadangan Pembelajaran Dan Pemudahcaraan Empati Sejarah

Antara aktiviti yang membolehkan empati sejarah ialah melalui aplikasi LENG-AT, Model Tanah Liat, Muridku *Youtuber*, TRUE MATCH dan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP). Aktiviti ini senang difahami, mudah dilaksanakan, sesuai untuk banyak topik sejarah serta kos yang minima. Namun begitu, komitmen dan sikap guru yang mahu berusaha dan mencuba sangat penting dalam memastikan aktiviti ini dapat dilaksanakan. Modifikasi boleh dilakukan oleh guru agar dapat disesuaikan dengan kesediaan guru, potensi murid dan persekitaran.

i. LENG-AT

Menurut Hanita Ladjaharun (2020), LENG-AT (lengkapkan dan ingat) merupakan aktiviti yang melibatkan murid untuk melakar atau melukis bagi melengkapkan bahan rangsangan yang berupa gambar asas tentang topik Sejarah. Gambar asas yang dihasilkan oleh guru mampu mencetus dan mengembangkan idea murid untuk membuat imaginasi bagi menggambarkan peristiwa Sejarah. Melalui strategi ini, guru mengambilkira potensi murid yang paling ketara iaitu kebolehan melukis. Potensi merujuk kepada keupayaan dan kebolehan terpendam dalam diri individu, dan jika dicungkil ia boleh digunakan untuk melakukan sesuatu yang berkembang maju. Potensi manusia boleh dicungkil dan menjadi kebolehan nyata melalui rangsangan dan motivasi yang sesuai. Oleh itu, aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan dalam bilik darjah hendaklah dirancang supaya potensi murid dapat dioptimumkan. Potensi manusia mempunyai tujuh kecerdasan dalam dirinya. Antaranya ialah kecerdasan linguistik, logikal-matematikal, ruang, muzik, tubuh kinestetik, interpersonal dan intrapersonal. Oleh itu, guru perlu mengenal pasti potensi murid yang paling ketara yang boleh disesuaikan dengan teknik pembelajaran dan pemudahcaraan. Hanita Ladjaharun, Suzanah Ahmad, Chin Sui Yin & Osman Muamat (2019). Bagi menjayakan aktiviti LENG-AT guru sejarah boleh mencuba untuk menghasilkan lukisan asas bagi tajuk tertentu yang berupaya melibatkan murid membuat imaginasi dan empati sejarah. Contohnya, bagi tajuk pembentukan tamadun awal manusia di lembah sungai lukisan asas yang berupaya menjana imaginasi murid ialah gambar sebatang sungai. Murid akan melengkapkan lukisan asas sungai tersebut dengan pelbagai lakaran atau lukisan yang berkaitan dengan kegiatan manusia di lembah sungai seperti menjalankan kegiatan penanaman, penternakan, mengutip hasil laut dan menggunakan air sungai untuk kegunaan harian.



Gambar 1 dan 2: LENG-AT iaitu lukisan mengandungi gambar asas

Melalui aktiviti LENG-AT murid akan membuat imaginasi berkaitan peristiwa sejarah dan berusaha melengkapkan gambar asas untuk menggambarkan peristiwa sejarah menggunakan *crayon*. Aktiviti ini diadakan secara berkumpulan agar murid dapat berbincang dan bekerjasama menghasilkan gambaran peristiwa sejarah. Semasa murid membuat imaginasi akan berlaku empati iaitu murid cuba memahami peristiwa sejarah berdasarkan latar masa, tempat dan zaman. Perbincangan dan percambahan idea dalam kalangan murid mendorong murid untuk lebih empati terhadap peristiwa yang dipelajari. Selepas selesai melengkapkan gambar asas, murid akan membentangkan hasil imaginasi di depan rakan-rakan. Pembelajaran akan diakhiri dengan aktiviti perbincangan soalan-soalan respon terbuka berkaitan dengan topik dipelajari.



Gambar 3: Aktiviti murid membuat imaginasi dan melengkapkan lukisan asas



Gambar 4: Aktiviti murid membuat penerangan dengan hasil imaginasi

ii. Model Tanah Liat

Dalam kajian Kibar Aktin yang bertajuk *Historical Imagination Skills of Preschool Children as Reflected in Their Clay Works*, pengkaji menyetujui aktiviti pembelajaran sejarah yang melibatkan murid dengan penghasilan model sejarah menggunakan tanah liat. Terlebih dahulu, kanak-kanak di bawa ke sesi lawatan ke muzium untuk menyaksikan pameran. Seterusnya kanak-kanak dilibatkan dengan menghasilkan model menggunakan tanah liat. Pengkaji menjelaskan pemerhatian beliau mendapati kanak-kanak tersebut dapat menggunakan daya imaginasi dinamik untuk memodelkan objek-objek sejarah yang serupa dengan asalnya. Objek ditentukan berdasarkan minat peribadi dan pengalaman hidup seharian. Berdasarkan kajian penulis, terdapat seorang daripada 12 kanak-kanak yang terlibat sebagai sample mempunyai kemahiran khayalan iaitu mengubah objek yang dimodelkannya bersama tanah liat dan melakonkannya dengan pemikiran dan tingkah lakunya yang empati dalam naratif fiksi. Pengkaji menekankan kepentingan bagi kanak-kanak mengalami dan berinteraksi dengan sumber sejarah visual untuk meningkatkan kemahiran imaginasi sejarah.



Gambar 5 dan 6: Murid menayakan aktiviti Modeling Tanah Liat

Guru boleh merancang aktiviti Model Tanah Liat bagi topik yang sesuai seperti zaman pra sejarah, zaman Kesultanan Melayu Melaka, seni bina di Alam Melayu dan mana-mana tajuk yang difikirkan sesuai. Aktiviti awal seperti menonton video atau mengkaji gambar boleh dilakukan selain lawatan sambil belajar ke muzium. Pengalaman dan gambaran awal akan meningkatkan daya imaginasi murid yang akan memudah proses menghasilkan Model Tanah Liat dan menjelaskan setiap objek yang dihasilkan. Guru-guru sejarah berpeluang melaksanakan aktiviti Model Tanah Liat kerana peralatan yang mudah diperolehi, aktiviti yang sesuai diaplikasikan dalam banyak topik sejarah serta sesuai untuk semua tahap murid di peringkat sekolah rendah dan menengah.

iii. TRUE MATCH

TRUE MATCH merupakan kad permainan yang akan melibatkan murid dengan aktiviti suai padan kad permainan diikuti penerangan oleh murid berkaitan dengan topik “Perjuangan Tokoh-Tokoh Pemimpin Tempatan”. Gambar-gambar tokoh berkaitan telah dilukis dan maklumat berkaitan tokoh dikumpul seterusnya disusun bagi memudahkan penguasaan murid. Maklumat dan gambar dicetak dan dijadikan kad permainan suai padan. Satu set TRUE MATCH mengandungi 7 set kecil yang sesuai digunakan untuk aktiviti secara individu, berpasangan atau berkumpulan. Setiap set kecil juga dihasilkan dalam warna yang berbeza bagi memudahkan ianya diasingkan jika tercampur dengan set yang lain. (Hanita Ladjaharun, 2020). Guru-guru sejarah boleh menghasilkan kad permainan suai padan seperti TRUE MATCH bagi topik yang lain seperti Nasionalisme di Asia, Nasionalisme di Asia Tenggara dan Intelektual Islam. Gambar-gambar tokoh berkaitan juga mudah diperolehi dalam aplikasi Google sekiranya guru tidak berpeluang melukis atau melakar.



Murid membaca dan membuat padanan maklumat

Membaca, menguasai dan menerangkan dalam kumpulan

Sesi pembentangan dan soal jawab

Perbincangan soalan respon terbuka berdasarkan topik

Gambar 7 hingga 10: Proses permainan TRUE MATCH

Aktiviti TRUE MATCH berpusatkan murid dan bahan yang membolehkan murid belajar secara santai dan menguasai isi pelajaran. Pada permulaan, murid dilibatkan untuk membuat padanan maklumat berkaitan gambar, nama, sebab dan perkembangan peristiwa perjuangan tokoh. Selepas itu, murid akan membuat semakan jawapan menggunakan manual disediakan. Seterusnya murid dalam kumpulan akan memilih 1 hingga 2 tokoh untuk dikuasai maklumatnya sebelum membuat penerangan berkaitan tokoh berkenaan dalam kumpulan tersebut. Setelah semua murid selesai membuat penerangan dan sesi soal jawab, murid dilibatkan untuk membincangkan soalan-soalan respon terbuka atau KBAT berkaitan topik. Perkembangan proses pembelajaran akan membolehkan murid membuat penilaian dan imaginasi seterusnya empati terhadap sejarah.

iv. Muridku *Youtuber* (Menghasilkan Video Pembelajaran)

Video ditakrifkan sebagai media yang mempersembahkan audio dan grafik secara serentak. Video dalam pembelajaran merupakan media yang boleh membantu pendidik dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan. Kajian Syamsulaini Sidek dan Mashitoh Hashim (2016) yang memetik Shaples (2002) penggunaan video dapat meningkatkan penglibatan dan motivasi murid dalam mempelajari sesuatu. Sehubungan itu, berdasarkan pengalaman guru dalam menghasilkan video pembelajaran, guru akan meneroka pelbagai maklumat dan cuba mempersembahkan maklumat tersebut dalam bentuk visual yang disertai audio yang menarik. Oleh itu, jika guru melibatkan murid dalam menghasilkan video pembelajaran maka murid juga akan melalui pengalaman seperti guru seterusnya membolehkan murid empati sejarah. Sehubungan itu, aktiviti menghasilkan video berupaya melibatkan murid dengan KPS seperti merenoka bukti, membuat imaginasi, membuat interpretasi dan rasionalisasi yang akan mengukuhkan penguasaan dan pemahaman terhadap peristiwa sejarah. Pengajaran berasaskan klip video adalah sangat berkesan untuk dipraktikkan dalam pembelajaran dan pemudahcaraan kerana mampu menggalakkan pembelajaran berpusatkan murid. Keberkesanan turut diakui oleh Wan Noor Hazlina Wan Jusoh, Ruhaizah Abd Ghani, Nor Adila Mohd Noor, Azarudin Awang & Noor Hasyimah (2019) iaitu aktiviti pembelajaran yang bersifat interaktif ini diperlukan dalam pendidikan masa kini ini untuk membolehkan murid dapat meningkatkan ilmu pengetahuan bukan sahaja di dalam kelas malah di luar kelas. Ia turut membantu supaya murid dapat mengulangkaji pelajaran pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Video yang dimuat naik ke saluran *Youtube* juga mampu menjadikan murid sebagai *Youtuber* muda yang akan menjadi murid semakin bersemangat dan membolehkan mereka mendalami ilmu berkaitan penghasilan video. Sebagai pemudahcara dan pembimbing, guru akan memantau dan menyemak hasil kerja murid agar selaras dengan kandungan buku teks dan tidak menyentuh isu sensitif atau salah fakta. Berdasarkan kajian Hanita Ladjaharun (2021), keseluruhan murid yang terlibat dalam kajian tersebut bersetuju dan sangat bersetuju bahawa aktiviti menghasilkan video pembelajaran membolehkan mereka terlibat secara aktif dalam aktiviti penerokaan dan membolehkan mereka menguasai isi pelajaran. Selain itu, aktiviti ini diakui membolehkan murid belajar secara kritis mengupas maklumat, lebih imaginasi dan kreatif dalam menyampaikan idea. Berikutnya, aktiviti ini juga dapat meningkatkan kemahiran mereka dalam aspek teknologi khususnya menghasilkan video pembelajaran. Selain itu, 100% guru yang menilai hasil kerja murid sangat setuju bahawa aktiviti melibatkan murid menghasilkan video pembelajaran membolehkan murid menguasai isi pelajaran, belajar secara kreatif dan membuat imaginasi, mengaplikasikan KBAT, KPS dan meningkatkan kemahiran penggunaan teknologi. Oleh itu, guru sejarah perlu melengkapkan diri dengan kemahiran teknologi khususnya menghasilkan video agar dapat memberikan bimbingan bagi melibatkan murid. Melalui hasil video murid membolehkan guru melaksanakan pentaksiran dan turut memberi peluang kepada murid mengembangkan potensi diri.

v. Pembelajaran berasaskan Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP)

Pendekatan PBP yang menekankan ciri-ciri pembelajaran dunia sebenar dengan mengutamakan pembelajaran secara kolaboratif dan teknik '*hands on*' dapat memberi

rangsangan kepada murid untuk membentuk sikap positif dan minat yang mendalam dalam pembelajaran. Dengan ini murid mempunyai komitmen yang baik terhadap pengurusan masa, sentiasa mengamalkan perbincangan sesama rakan dan lebih bersungguh-sungguh dalam tugas yang diberikan agar matlamat pembelajaran dapat dicapai. Nor Khayati Basir, Mohd Isa Hamzah & Khadijah Abdul Razak (2020) PBP memberikan peluang kepada murid untuk melakukan pelbagai aktiviti yang menarik, interaktif dan menyeronokkan yang dapat meningkatkan kemahiran bahasa murid dan minat terhadap pembelajaran melalui inovasi dalam pembelajaran. Dapatan juga menunjukkan murid lebih berfokus, bermotivasi serta sentiasa didorong dengan sifat ingin tahu apabila mengikuti sesi tindakan aktiviti PBP. (Monica Laina Tonge & Zamri Mahamod, 2020). Dalam kurikulum sejarah PBP juga ditekankan melalui kajian kes. PBP atau Kajian Kes adalah pembelajaran yang melibatkan murid dengan kaedah penyelesaian masalah dalam bentuk deskriptif atau penerangan tentang sesuatu persoalan sama ada berkaitan tokoh, institusi, tempat, peristiwa dan dokumen. Kajian Kes bertujuan memberi pengalalaman dan kemahiran kepada murid tentang pengetahuan sejarah diri, negara dan bangsa. Kajian kes turut melibatkan aktiviti penyelidikan secara langsung apabila murid didedahkan dengan pelbagai kaedah dan kemahiran seperti pencarian, pengumpulan dan menganalisis maklumat. Murid menghasilkan dapatan kajian yang dijalankan dengan pelbagai bentuk seperti projek, pelaporan, pembentangan dan sebagainya. Melalui PBP atau kajian kes murid dapat mengaplikasikan disiplin ilmu sejarah, elemen kewarganegaraan dan nilai sivik serta membangunkan kreativiti seterusnya berupaya empati terhadap sejarah.



Gambar 11 dan 12: PBP: Keunikan Masyarakat (Pakaian Tradisional)



Gambar 13 dan 14: PBP: Keunikan Masyarakat (Makanan Tradisional)

Dalam menjayakan PBP, pelbagai EMK akan diaplikasikan secara serentak oleh murid seperti bahasa, kelestarian alam sekitar, nilai murni, patriotisme, sains dan teknologi, kreativiti dan inovasi, teknologi maklumat dan komunikasi serta kelestarian global. Suasana pembelajaran aktif yang berpusatkan murid dan bahan dapat diwujudkan yang membawa kepada empati sejarah. Aplikasi *Science Technology Engineering and Mathematic* (STEM) dan *Science Technology Engineering Art and Mathematic* (STEAM) juga akan berlaku semasa proses menghasilkan projek. Integrasi pelbagai kemahiran dan pengetahuan akan membolehkan murid mempunyai persepsi pentingnya sejarah dalam kehidupan seharian. Bagi menjimatkan kos, bahan-bahan kitar semula boleh digunakan dalam menjayakan projek. Penggunaan bahan kitar semula akan menerapkan nilai dan kreativiti dalam kalangan murid.

Tuntasnya, pendekatan seperti LENG-AT, TRUE MATCH, Model Tanah Liat, MURIDKU YOUTUBER dan PBP telah dapat melibatkan murid secara aktif dan efektif dalam

pembelajaran dan pemudahcaraan mata pelajaran Sejarah. Proses pembelajaran yang berasaskan bahan dan berpusatkan murid membolehkan aplikasi KPS, KBAT dan EMK seterusnya empati terhadap peristiwa sejarah.



PERBINCANGAN

Empati terhadap sejarah mampu diterapkan dalam kalangan murid sekiranya sesi pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan mampu melibatkan murid secara aktif. Sehubungan itu, Guru perlu berpengetahuan tentang disiplin ilmu sejarah dan pengetahuan sejarah serta berkemahiran dalam mengaplikasikan pelbagai pendekatan. ABM dan BBM yang sesuai juga dapat melibatkan murid untuk berfikir dan berinteraksi secara aktif yang membawa kepada empati sejarah. Sebagai subjek teras dan wajib lulus dalam peperiksaan SPM, guru berhadapan dengan cabaran untuk memastikan murid melalui sesi pembelajaran yang seronok dengan mengaplikasikan pelbagai aktiviti dan pada masa yang sama fokus terhadap peperiksaan. Oleh itu, Bahagian Pembangunan Guru (BPG) sewajarnya mengambil inisiatif menyediakan modul pengajaran dan pembelajaran sejarah dengan menerapkan pendekatan seperti LENG-AT, Model Tanah Liat, TRUE MATCH, Muridku *Youtuber* dan PBP bagi membolehkan guru mendapat idea yang pantas dan mudah. Pendekatan tersebut mudah difahami, sesuai untuk semua tahap murid dan hanya melibatkan kos yang minima.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, empati sejarah dalam kalangan murid berkait rapat dengan pengajaran guru. Guru sejarah perlu sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pedagogi agar relevan serta berupaya melibatkan murid empati sejarah. Guru perlu sentiasa bersedia mencuba dan mengubahsuai pelbagai pendekatan agar dapat disesuaikan dengan tajuk, keperluan murid dan persekitaran. Tindakan sedemikian akan dapat menghasilkan intervensi atau ABM atau BBM atau kaedah yang bersesuaian dengan keperluan murid yang akan membolehkan murid melalui sesi pembelajaran yang bermakna dan empati terhadap sejarah.

RUJUKKAN

- [1] Abdul Razak Ahmad & Mohd. Mahzan Awang. 2017. Pengetahuan Guru Sejarah Dalam Pelaksanaan Kurikulum Sejarah Sekolah Rendah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, Selangor, Malaysia: 153-161.
- [2] Aktin, K. 2019. Historical Imagination Skills of Preschool Children as Reflected Their Clay Works. *International Online Journal of Educational Sciences*, 11 (3): 87-104.
- [3] Alizah Lambiri & Zamri Mahamood. 2019. Penggunaan Alat Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar. 4 (33). *International Journal of Education, Psychology and Counseling*: 78-94.
- [4] Anin Lailatul Qodariyah & Martin Rizaldi. 2021. Analisis Buku Teks Sejarah Bagi Siswa SMK Kelas XI. *Heuristik: Jurnal Pendidikan Sejarah*, 1(1): 1-7.

- [5] Ariegusrini Bte Agus Mohamad Johdi Bin Salleh. 2009. Kreativiti Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah International Islamic University Malaysia (IIUM) in Abdul Razaq and Isjoni Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah. Penerbitan Bersama: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; dan, FKIP, Universitas Riau, Pekan Baru Indonesia:183 – 196.
- [6] Hanita Ladjaharun. 2021. Muridku *Youtuber*: Melibatkan Murid 5 Sains Dalam Penghasilan Video Pembelajaran Bagi Meningkatkan Pencapaian dalam mata pelajaran Sejarah SPM. Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan Peringkat Kebangsaan (SpeK21):358-368.
- [7] Hanita Ladjaharun. 2020. Meningkatkan penguasaan murid 5KEM1 bagi topik Perjuangan Tokoh-Tokoh Pemimpin Tempatan melalui permainan TRUE MATCH. *Proceedings for the 5th International Conference on Education, Islamic Studies and Social Sciences Research*. Kedah Darul Aman: Penerbitan RCS Global Sincere Resources: 547-557.
- [8] Hanita Ladjaharun, Suzanah Ahmad, Chin Sui Yin & Osman Muamat. 2019. Aplikasi LENG-AT bagi membolehkan pelajar tahap lemah terlibat secara aktif dan efektif dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. *Prosiding Seminar Kebangsaan School Action Based*. Kota Kinabalu: Penerbitan Institut Pendidikan Guru Kampus Gaya: 39-46.
- [9] Kementerian Pendidikan Malaysia. 2019. Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah dan Pelaksanaan Pakej Mata Pelajaran Mulai tahun 2017. Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 6.
- [10] Khairunnajwa Samsuddin. 2017. Amalan Nilai Empati Sejarah Sekolah Menengah. Kertas Projek Ijazah Sarjana Muda. Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi: 1-20.
- [11] Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018. Kurikulum Standard Sekolah Menengah; Sejarah Tingkatan 4 dan 5. Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK): 11.
- [12] Lau Yi Yi, Abdul Razaq Ahmad, Mohd Mahzan Awang & Norasmah Othman. 2020. Kandungan Buku Teks Sejarah Dan Hubungannya Dengan Pengetahuan Pelajar. *Jurnal Personalia Pelajar*. 23(2): 59-6.
- [13] Lezah @ Lejah Kiamsin & Rosy Talin. 2018. Kaedah pengajaran Sejarah yang diminati pelajar dan justifikasinya. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 3 (2): 137-145.
- [14] M. Kaviza. 2019. Pembelajaran Konseptual Sejarah Melalui Teknik "Peer with Sources-Cards": Satu Kajian Tindakan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol. 4 (2): 80-89.
- [15] M. Kaviza. 2020. Pembelajaran Berasaskan Bahan dalam Mata Pelajaran Sejarah *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Vol. 5 (5) :149 – 156.
- [16] Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad & Nur Syazwani Abdul Talib. 2016. Penggunaan multimedia dalam pendidikan sejarah Pada Abad Ke-21 dan hubungannya dengan minat belajar sejarah. *Jurnal Pemikir Pendidikan*. 7: 44–56.
- [17] Monica Laina Tonge & Zamri Mahamod. 2020. Kesan Pembelajaran Berasaskan Projek terhadap Kemahiran Menulis Karangan Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 45(1): 12-20.
- [18] Nor Khayati Basir, Mohd Isa Hamzah & Khadijah Abdul Razak. 2017. Sikap dalam Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Projek Terhadap Pencapaian Pelajar Politeknik di Negeri Perak. 3NAREC'17: 491-499.
- [19] Nurhijrah Zakaria, Anisah Harun, Rosmani Ali, Hasnul Hadi Tengah, Mazuki Abdul Razak, Hamidi Salleh & Mansor Ab Rahman. 2018. Pengintegrasian Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam pengajaran sejarah oleh guru pelatih program pendidikan sejarah semasa praktikum. *Jurnal Penyelidikan Akademik IPGM* 3:101-120.
- [20] Nur Syazwani Abdul Talib, Kamarulzaman Abdul Ghani, Nur Azuki Yusuff. 2019. INSANIAH: Kaedah pembelajaran sejarah berasaskan lawatan ke muzium. *Online Journal of Language, Communication, and Humanities*. 2 (1):45-57.

- [21] Rohani Seman, Amani Dahaman @ Dahlan, Norhayati Yahaya. (2019), Pembelajaran Abad Ke-21, Amalan 4k 1n Berasaskan Modul *MJSASFC* dalam kalangan guru-guru Pendidikan Asas Vokasional (PAV) Zon Utara, *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan*, 167-176.
- [22] Rona Busljeta Kardum, Katarina Dadic, Martina Horva. 2021. Education for the cultivation of emotions through textbooks: the example of Croatian high school history textbooks. *Education Process International Jurnal*. 10(2): 28-41.
- [23] Shakila Dahalan & Abdul Razaq Ahmad. 2020. Analysis of Students' Historical Empathy in
- [24] History Education. The 4th International Conference on Current Issues in Education: 1-4.
- [25] Syamsulaini Sidek & Mashitoh Hashim. 2016. Pengajaran berasaskan video dalam pembelajaran berpusatkan pelajar: analisis dan kajian kritikal. *Journal of ICT in Education (JICTIE)*. 3: 24-33.
- [26] Wan Noor Hazlina Wan Jusoh, Ruhaizah Abd Ghani, Nor Adila Mohd Noor, Azarudin Awang & Noor Hasyimah. 2019. Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Video dan *Padlet* (pvdP) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Subjek Pemikiran dan Tamadun Islam. *e-Academia Journal*. Vol. 8, 1-7.